

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 7 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan usaha pembaharuan undang-undang yang telah atau sedang diusahakan oleh pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air sejak Mac 2020 dan bilakah pembaharuan tersebut akan dibentangkan di Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) sedang mengukuhkan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) [Akta 127]. Pengukuhan AKAS 1974 akan dibuat secara berfasa yang mana pada fasa pertama, pindaan memfokuskan kepada elemen kompaun, penalti dan standard bagi memastikan tindakan tegas dapat diambil ke atas pelaku dan pesalah yang menyebabkan pencemaran alam sekitar.

2. Untuk makluman, draf Rang Undang-undang Pindaan AKAS 1974 bagi fasa pertama telah dikemukakan untuk semakan dan kelulusan Jabatan Peguam Negara. Setelah diluluskan, KASA akan membentangkan Memorandum Jemaah Menteri mengenai Pindaan AKAS 1974 untuk pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri. Pindaan AKAS 1974 ini dijangka akan dibentangkan dalam Parlimen pada suku pertama tahun 2022.

Tuan Yang Di-Pertua,

3. KASA juga dalam konteks melaksanakan pembaharuan undang-undang dalam **sektor air** dan akan meminda 2 perundangan utama, iaitu Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 [Akta 654] dan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655].

4. Pindaan Akta 654 akan membantu memperkasakan sistem tadbir urus dan memperkukuh kecekapan pengurusan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Manakala, pindaan ke atas Akta 655 bertujuan untuk mewujudkan ekosistem kawal selia yang mantap bagi menyokong pelaksanaan dasar sedia ada dan dasar baharu. Langkah ini penting bagi memastikan punca kuasa perundangan yang dipertanggungjawabkan sentiasa relevan dalam memenuhi cabaran semasa dan masa hadapan industri perkhidmatan bekalan air dan pembedungan.

5. Pindaan-pindaan penting yang dicadangkan termasuklah ke atas tempoh lantikan anggota SPAN, larangan penggunaan logo SPAN tanpa kebenaran, menggalakkan amalan ekonomi kitaran dalam industri air melalui penerokaan air pulih guna sebagai sumber bekalan air alternatif, pemantapan ekosistem pengurusan sisa rawatan air, meningkatkan kadar hukuman bagi kesalahan pencemaran air yang menjejaskan perkhidmatan bekalan air dan penubuhan Tribunal Industri Perkhidmatan Air.

5. Cadangan pindaan Akta 654 dan 655 telah melalui proses siri rundingan bersama dengan pemegang taruh termasuklah operator air, kementerian/jabatan Kerajaan serta Kerajaan-Kerajaan Negeri. Maklum balas yang diterima telah dijadikan input bagi memantapkan penyediaan draf Rang Undang-Undang Pindaan Akta 654 dan 655. Tertakluk kepada kelancaran proses semakan oleh Jabatan Peguam Negara dan kelulusan oleh Jemaah Menteri, Rang Undang-Undang ini disasarkan untuk dibentangkan di Parlimen pada suku ke-dua tahun 2022.

6. Melihat kepada isu **perubahan iklim** yang sering dibincangkan di peringkat antarabangsa, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi

memastikan tadbir urus perubahan iklim sentiasa diberi perhatian yang sewajarnya, KASA kini di dalam fasa awal membangunkan kerangka undang-undang perubahan iklim negara yang dijangka siap pada awal tahun 2022. Kerangka undang-undang tersebut akan menjadi asas kepada pembangunan Akta Perubahan Iklim kelak dan ia dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2025.

Tuan Yang Di-Pertua,

7. Bidang bioteknologi moden semakin menjadi tumpuan sebagai katalis penting yang memacu perkembangan pelbagai sektor penting terutamanya berkaitan pertanian, pengeluaran makanan, kesihatan, keselamatan dan pertahanan. KASA melalui Jabatan Biokeselamatan menguat kuasa dan mengawal selia pelepasan, pengimportan, pengeksportan dan kegunaan terkawal organisma hidup yang diubah suai (*living modified organism* - LMO) yang terhasil dari aktiviti bioteknologi moden melalui Akta Biokeselamatan 2007 [Akta 678].

8. Untuk makluman, KASA sedang dalam proses menyemak dan meminda Akta 678. Antara perkara utama yang diberi tumpuan dalam pindaan Akta 678 adalah mewujudkan peruntukan khusus mengenai tanggungan dan ganti rugi (*liability and redress*) yang akan memberikan hak kepada pihak yang terkesan untuk membuat tuntutan kepada pihak yang bertanggungjawab. Semakan dan pindaan Akta 678 ini dijangka akan selesai menjelang pertengahan tahun 2023.

9. Selain daripada pembaharuan kepada Akta 678, Kerajaan juga akan memperkenalkan dan menguat kuasa 2 peraturan baharu berkaitan LMO seperti berikut:

- (i) Peraturan Pelabelan LMO dan Produknya; dan
- (ii) Peraturan berkaitan Pengendalian, Pengangkutan, Pembungkusan dan Pengenalpastian LMO.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

TARIKH : 7 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kerajaan memastikan pendapatan masyarakat bandar dan luar bandar seimbang. Apakah polisi yang menjadi keutamaan.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Melalui Bajet 2022 yang telah dibentangkan pada 29 Oktober 2021, Kerajaan akan melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan pendapatan di bandar dan luar bandar. Antara inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

- i. Menjamin penyediaan 600 ribu peluang pekerjaan dengan peruntukan berjumlah RM4.8 bilion ringgit di bawah inisiatif Jamin Kerja Keluarga Malaysia (atau JaminKerja);
- ii. Insentif penggajian JaminKerja dengan sasaran 300 ribu orang dengan peruntukan RM2 bilion; dan
- iii. Pembiayaan kredit mikro bernilai hampir RM1.8 bilion akan disediakan melalui pelbagai agensi seperti TEKUN, Agrobank, BSN, Bank Rakyat dan Bank Negara Malaysia untuk membantu peniaga kecil dan sektor informal.

2. Strategi yang akan dilaksanakan bukan sahaja dalam meningkatkan pendapatan dan taraf hidup isi rumah tetapi termasuk menambah baik akses kepada perkhidmatan penting seperti infrastruktur, memperkukuh mekanisme penyampaian perkhidmatan dan mengurangkan ketidaksamarataan antara isi rumah di bandar dan di luar bandar. Melalui Bajet 2022, Kerajaan akan memperuntukkan lebih daripada RM 2.5 bilion bagi merapatkan jurang antara wilayah, merangkumi projek jalan luar bandar dan perhubungan desa, bekalan air bersih, bekalan elektrik dan lampu jalan kampung.

3. Bagi jangka sederhana dan panjang, Kerajaan akan meneruskan dasar dan strategi untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli serta kesejahteraan terutamanya isi rumah di bandar dan luar bandar dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), 2021-2025 termasuk:

- i. menyediakan program peningkatan pendapatan serta peningkatan keupayaan mendapat pekerjaan yang berpendapatan lebih tinggi dengan membina kapasiti dan keupayaan Program Peningkatan Pendapatan melalui Skim Kesejahteraan Rakyat;
- ii. menambahbaik akses kepada keperluan asas termasuk pendidikan, kesihatan dan perumahan. Bagi perumahan, program/projek yang terlibat termasuklah Program Perumahan Rakyat Termiskin, Program Bantuan Rumah dan Projek Perumahan Mampu Milik;
- iii. menggalakkan keusahawanan dan akses kepada pembiayaan kewangan untuk menjana pendapatan dengan melaksanakan program latihan keusahawanan serta menyediakan kemudahan pembiayaan mikro seperti TEKUN; dan
- iv. meningkatkan sistem perlindungan sosial dengan mewujudkan satu rangka kerja sistem perlindungan sosial yang bersepadu dan komprehensif termasuk Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40).